

CNS3560

U GB 08-03 00173 BA651

bah

Parlimen - Mahathir (Kelantan)

SIKAP SULTAN KELANTAN TIDAK MENYENANGKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kkuatir perbuatan Sultan Kelantan berhubung perkenan Majlis Raja-raja mengenai isu pindaan perlembagaan boleh menyebabkan kehilangan kepercayaan kepada Majlis Raja-raja dan institusi Raja.

Perdana Menteri berkata gerak-geri Sultan Kelantan dalam isu pindaan perlembagaan itu amatlah tidak menyenangkan.

"Bukan sahaja Kerajaan Pusat tidak dihormati, tetapi Raja-raja lain juga tidak dihormati," katanya ketika membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 pada persidangan khas Dewan Rakyat hari ini.

Persidangan khas itu diadakan bagi membahaskan semula rang undang-undang itu yang dikembalikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dengan sedikit pengubahsuaian. Rang undang-undang itu mulanya diluluskan oleh Parlimen pada persidangan khas 18-20 Jan lepas.

Dr Mahathir berkata dalam usahanya untuk menolak pindaan yang telah dipersetujui oleh Raja-raja, Sultan Kelantan telah antara lain mendakwa bahawa persidangan Dewan semasa membahaskan pindaan perlembagaan pada 18 Jan dan persidangan hari ini adalah tidak sah. -- Lagi.

▼08/03/15-48MST

CNS3562

U GB 08-03 00153 BA652

bah

Parlimen - Mahathir (Kelantan) 2 Kuala Lumpur

Katanya, apabila dakwaan dibuat oleh satu pihak terhadap pihak yang lain, pihak yang lain juga boleh melempar dakwaan yang sama.

"Jika Dewan ini didakwa tidak sah oleh Sultan Kelantan, Dewan ini juga boleh mendakwa, dengan sebab-sebab yang berasas, bahawa mungkin perlantikan dan penabalan Sultan Kelantan sekarang sebagai Sultan Negeri Kelantan tidak sah. Mungkin ada orang lain yang lebih berhak.

"Jika dakwaan-dakwaan seperti ini mula dibuat, mungkin ia akan merebak dan berpanjangan dan lumpur akan terpalit pula kepada tubuh badan orang lain.

"Jika setelah bermesyuarat secara teratur, Majlis Raja-raja tidak memegang kepada keputusan yang dibuat, siapakah yang akan menghormati mesyuarat Majlis Raja-raja, atau majlis itu atau Raja-raja?

"Saya tidak ingin meramalkan kesan yang akan menyusuli kehilangan kepercayaan dan kehormatan kepada Majlis Raja-raja dan institusi Raja kerana perbuatan Sultan Kelantan," kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼08/03/15-50MST

CNS3566

U GB 08-03 00181 BA653

bah

Parlimen - Mahathir (Kelantan) 3 Kuala Lumpur

Kata Perdana Menteri, beliau mengibaratkan perbuatan Sultan Kelantan itu sebagai membuka satu lagi "can of worms" yang mana baunya yang busuk yang keluar akan terlekat juga kepada raja-raja lain.

Katanya, kali pertama Sultan Kelantan membuka "setin cacing" itu semasa baginda secara aktif dan terbuka berkempen bagi pihak parti bapa saudaranya pada pilihan raya umum 1990 yang tidak dapat diterima oleh rakyat.

Dr Mahathir berkata rakyat marah kerana Sultan Kelantan ketika itu bukan sahaja membelakangkan larangan berpolitik oleh Raja tetapi juga percubaan untuk menaikkan keluarganya sendiri ke jawatan tinggi -- satu jenis nepotisme yang amat berbau feudal dan anti demokrasi.

Beliau menarik perhatian bahawa sehingga 1990, tiada sesiapa yang mengkritik atau menegur Raja secara terbuka, ini mungkin kerana adat resam orang Melayu atau kerana takut melanggar Akta Hasutan.

Sejak pilihan raya 1990 itu, rakyat mula mengkritik Raja secara terbuka, mereka tidak berasa segan-silu lagi kerana apa yang telah dilakukan oleh Sultan Kelantan ialah membuka pertama kali "tin mengandungi cacing," katanya. -- Lagi.

▼08/03/15-54MST

CNS3568

U GB 08-03 00120 BA654

bah

Parlimen - Mahathir (Kelantan) 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerana Sultan Kelantan, adat resam dan ketakutan rakyat kepada undang-undang telah hilang sebagaimana dapat dilihat dengan rakyat membuat teguran dan kritikan terhadap Raja-raja dengan begitu lantang, apabila berlaku "peristiwa Gomez."

Douglas Gomez, jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Johor mendakwa dipukul oleh Sultan Johor di Istana Bukit Serene, Johor Baharu pada November lepas, berikutan kritikannya terhadap keputusan menarik keluar pasukan hoki maktab itu daripada pertandingan hoki antara juara sekolah-sekolah Malaysia.

Dr Mahathir berkata sepatutnya Sultan Kelantan sedar dan insaf akan hasil dan kesan penglibatannya dalam politik keluarganya. "Tetapi nampaknya Sultan Kelantan tidak sedar dan tidak insaf." -- Bernama.